



Headline: Pengawal keselamatan rugi RM12,800 diugut Language: Malay

Macau Scam

Publication/Portal: Berita harian

Date: 12 December 2018

Section: Jenayah

Page: 44

# Pengawal keselamatan rugi RM12,800 diugut Macau Scam

⦿ Mangsa diperdaya terbabit skandal 1MDB

Oleh Shahrinnahar Latib  
cnews@nsp.com.my

► Jerantut

**S**orang pengawal keselamatan kerugian RM12,800 apabila sindiket 'Macau scam' mengugutnya menggunakan nama 1Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk memperdayakannya.

Kejadian itu berlaku pada 2 Disember lalu apabila mangsa berusia 45 tahun itu menerima panggilan daripada seorang wa-

nita yang menyamar sebagai 'Koperal Mashitah Abdul Rahman' dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kangar, Perlis memaklumkan dia terbabit dengan skandal 1MDB.

## Diugut kes langgar lari

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Kontingen (IPK) Pahang, Superintendant Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata suspek memaklumkan kereta Toyota Vios warna putih yang didaftarkan atas nama mangsa terbabit dalam kes langgar lari, namun mangsa menafikan perkara berkenaan.

"Panggilan itu kemudian disambung kepada seorang lagi suspek yang menyamar sebagai 'Sarjan Mohd Fadli Bakri'.

Selepas perbincangan, suspek kedua itu memberitahu dia akan merujuk kes mangsa ke pihak mahkamah.



Selepas memasukkan duit berkenaan, Inspektor Narisa masih menyuruh mangsa memasukkan duit lagi"

## Mohd Wazir Mohd Yusof,

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial IPK Pahang

"(Kononnya) selepas membuat pemeriksaan mendapati nama mangsa terbabit di dalam kes 1MDB. Suspek ini kemudian menyambungkan panggilan kepada 'Inspektor Narisa' yang kononnya bertugas di IPD Seri Kembangan," katanya, di sini, semalam.

## Sembilan transaksi

Beliau berkata, suspek ketiga itu meminta mangsa mengeluarkan semua wang simpanannya RM12,800 dan memasukkan ke dalam akaun bank diberikan.

"Bagaimanapun, selepas memasukkan duit berkenaan, Inspektor Narisa masih menyuruh mangsa memasukkan duit lagi.

"Pengadu memaklumkan perkara terbabit kepada adiknya, sebelum menyuruhnya membuat laporan polis di IPD Jerantut kelmarin selepas menyaki dirinya ditipu," katanya.